

**NO. SOALAN : 20**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [ AMPANG ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2015 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah kondisi bas pengangkutan awam seperti Metrobus dan SJ Bus akan dinaiktaraf atau diselaraskan sekurang-kurangnya seperti Rapid KL.

**JAWAPAN: YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sepertimana yang telah diumumkan, Kerajaan akan melaksanakan program Transformasi Bas Henti-Henti atau “*Stage Bus Services Transformation*” (SBST) di seluruh negara secara berperingkat bermula pada tahun 2015.
2. Antara komponen utama program SBST adalah penggunaan bas-bas yang memenuhi spesifikasi bagi menjamin keselesaan dan keselamatan pengguna. Antara spesifikasi bas yang perlu dipatuhi termasuk penggunaan kenderaan berumur tidak lebih dari 7 tahun, dilengkapi sistem penghawa dingin, pencahayaan dalaman yang mencukupi serta mempamerkan maklumat laluan dan pemandu yang jelas.
3. Apabila program SBST dilaksanakan kelak, semua operator sedia ada yang akan menyertai program ini perlu menyediakan atau menaik taraf kenderaan bagi memenuhi spesifikasi yang ditetapkan.

Sekian, terima kasih.